

Rawang tenggelam

Purata taburan hujan tinggi antara faktor air melimpah naik



Kaki lima kedai turut dinaiki air.



Keadaan banjir lumpur yang melanda Rawang Jaya.

■ NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Beberapa kawasan di sini dinaiki air semalam akibat hujan lebat melebihi dua jam bermula 3 petang.

Antara kawasan terlibat adalah Jalan Maxwell, Greenpark, Rawang Jaya, Rawang Perdana dan Kampung Sungai Bakau.

Ahli Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Gunaraj George berkata, purata taburan hujan yang tinggi antara faktor kawasan rendah dinaiki air dan berlakunya banjir berulang.

"Air naik lebih kurang 0.6 meter di kesemua kawasan terlibat dan dipercayai air daripada Kolam Takungan Emerald telah melimpah sebelum memasuki kawasan kampung Sungai Bakau.

"Sekurang-kurangnya 30 rumah penduduk terjejas. Air mulai surut beberapa minit selepas hujan berhenti sekitar jam 5 petang," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, hujan lebat di Pekan Lama Rawang turut menyebabkan gangguan trafik yang bergerak perlahan.

Insiden banjir kilat di Pekan Lama Rawang katanya, menunjukkan keperluan naik taraf sistem longkang se-



Keadaan banjir di Pekan Lama Rawang melibatkan Jalan Maxwell dan Wellman.

cara menyeluruh termasuk atas gerai di Jalan Taiping di sini.

"Peniaga mendakwa kawasan di sini tak pernah dinaiki air tapi hari ini (semalam) membuktikan dakwaan mereka tidak benar.

"Justeru kita harap peniaga memberikan kerjasama mengosongkan gerai dan membenarkan perobohan dibuat supaya

kerja naik taraf dapat dilakukan segera," katanya.

Semalam, Ahli Parlimen Selayang, William Leong dan Adun Rawang, Gan Pei Nei turut turun padang meninjau kawasan banjir sejezur mendapat laporan berhubung perkara itu.



William (dua, kanan) dan Pei Nei (dua, kiri) turun padang meninjau kawasan terjejas.